



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

September 2022

**HIS224 – Institusi Kekeluargaan Islam**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

...2/-

**SULIT**

1. Sarimah telah berkahwin dengan Kamil selama 8 bulan. Sarimah merupakan seorang pegawai kerajaan yang mempunyai pendapatan yang lebih besar dan lebih stabil daripada suaminya yang hanya merupakan pembantu restoran. Disebabkan masih belum mampu untuk menyewa rumah, Kamil mengajak Sarimah untuk tinggal bersama di rumah ibu bapanya. Terangkan hukum situasi berikut dengan perincian hujah dan dalil yang sesuai:

[a] **Jelaskan** bentuk nafkah dan kadar nafkah yang perlu diberikan oleh Kamil kepada isterinya.

[30 markah]

[b] **Formulasikan** pandangan syarak terhadap situasi berikut:

Hukum Sarimah enggan keluar daripada rumah ibu bapanya untuk tinggal bersama di rumah ibu bapa suaminya selepas berkahwin.

[20 markah]

2. Setelah berkahwin selama dua hari dan belum sempat melakukan persetubuhan, Siti dan Sahak bercerai talak satu. Selang beberapa hari selepas itu, Sahak melafazkan rujuk dan kembali semula kepada perkahwinannya dengan Siti. Terangkan hukum situasi berikut dengan perincian hujah dan dalil yang sesuai:

[a] **Klasifikasikan** pembahagian bentuk-bentuk idah perceraian semasa hidup.

[30 markah]

[b] **Formulasikan DUA** daripada syarat-syarat sah rujuk.

[20 markah]

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

Julai/Ogos 2022

**HSA101 – Pengantar Sejarah**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN (8)** soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja: **WAJIB** jawab **DUA (2)** soalan daripada setiap bahagian iaitu Bahagian A dan B.

...2/-

**SULIT**

Bahagian A

1. Apakah kepentingan 'kritikan luar' dan 'kritikan dalam' kepada penulisan sejarah?

[100 markah]

2. Tunjukkan kelemahan dan kekuatan teks *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu)* sebagai sebuah sumber persejarahan.

[100 markah]

3. "Pergantungan yang keterlaluan kepada sumber tulisan kolonial yang dianggap prejudis dan berat sebelah telah menjadi punca yang menyebabkan kefahaman tentang sejarah masyarakat peribumi menjadi negatif dan mengelirukan."

Dengan merujuk mana-mana SATU tulisan yang kritikal terhadap sumber persejarahan kolonial, tentukan kesahihan pernyataan di atas.

[100 markah]

Bahagian B

4. Terdapat dua aspek penjelasan (penyebaban) dalam sejarah iaitu 'suasana yang matang' dan 'individu yang pintar'. Bandingkan kedua-dua aspek ini dengan merujuk peristiwa penentangan Malayan Union oleh Dato' Onn Jaafar pada 1940-an.

[100 markah]

5. "Leopold von Ranke menentang kemasukan pengadilan moral kerana unsur ini akan menjejaskan objektiviti dalam penulisan sejarah."

Selain unsur pengadilan moral, terangkan LIMA [5] perkara lain yang boleh menjejaskan keupayaan ahli sejarah dalam menghasilkan penulisan sejarah yang bersifat objektif.

[100 markah]

...3/-

6. “Menurut Aldrian Oldfield, tanpa pengadilan moral maka ‘sejarah tinggal tidak lebih daripada cerita’.”

Berdasarkan pernyataan di atas, tafsirkan kepentingan pengadilan moral dalam penulisan sejarah.

[100 markah]

7. Bandingkan ciri-ciri persejarahan Yunani dengan ciri-ciri persejarahan Rom.

[100 markah]

8. Terangkan pendekatan-pendekatan baharu yang diperkenalkan oleh aliran Annales yang telah mengukuhkan lagi kajian sejarah.

[100 markah]